Sama-sama Menyamar

Suatu peristiwa di zaman Khalīfah al-Walīd

(Terjemahan bebas dari buah tangan: William Basley)

Al-Walīd bin Zaid¹ ialah khalifah yang kesebelas dari
Khalīfah kerajaan "Banī Umaiyah", yang telah mewarisi takhta
kerajaan Islam dari datuk neneknya antara tahun
743 hingga 744 Masihi. Baginda seorang yang
terkenal berperangai seperti ayahnya "Yazīd bin 'Abd al-Mālik"
suka dan gemar meminum minuman keras dan suka
menghabiskan masa dengan wanita-wanita dan mementingkan diri
sendiri.

Cuma sedikit kebajikan yang dilakukannya semasa hayatnya yang patut dicatit, iaitu di zaman pemerintahannya ia telah mengadakan Jabatan Kebajikan Masyarakat, untuk menanggung belanja dan memberi nafkah kepada orang-orang buta dan orang-orang sakit supaya jangan terlantar tidak ada tempat untuk berlindung.

Baginda hanya sempat menduduki takhta kerajaan yang diwarisinya dari datuk neneknya selama setahun dan dua puluh hari sahaja. Mati terbunuh pada tahun 126 Hijrah bersamaan tahun 744 Masihi, tatkala usianya 40 tahun.

Masa hayatnya terkenal sebagai seorang menyair yang bijaksana, dan sering mengadakan perlbagai majlis jamuan dan sukaria, kadang-kadang diadakannya di istananya dan kadang-kadang diadakan pula taman-taman peranginan di malam bulan terang, disertai dengan biduan biduanita yang mempunyai suara lemak merdu.

Pada suatu masa baginda telah mengaturkan untuk

diadakan majlis samarah (sukaria di malam hari) pada suatu biduk (perahu besar) di sungai di Dajlah (nama sebuah sungai di Baghdād). Ia menghendaki majlis sukaria itu diadakan pada malam hari hingga ke pagi esoknya, supaya jangan ia dikenali orang, sedang baginda sendiri suka menyamar dengan pakaian seperti orang-orang biasa, supaya dengan demikian itu orang-orang yang hadir tidak takut atau malu-malu di hadapannya dan ia sendiri boleh melakukan sekehendak hatinya dengan menyingkirkan segala kerja-kerja atau jawatannya sebagai seorang khalīfah.

Ahli-ahli sejarah bersependapat mengatakan bahawa al-Walīd seorang khalifah "Banī Umaiyah" yang bijaksana dalam mencipta syair, hingga kerana kebijaksanaannya yang terpendam itu orang tidak tahu entah berapa banyak syair yang telah diciptanya sendiri, diperintahkan supaya dinyanyikan oleh penyair-penyair yang termasyhur di zamannya, dan baginda membenarkan suapaya syair-syair tersebut dinamakan atas nama penyair-penyair yang telah melagukan syair-syairnya hingga begitu menarik sekali.

Pada malam yang telah ditentukan itu baginda telah menyewa sebuah perahu besar yang telah dihiasi dengan segala keindahan, dan diterangi oleh lampu-lampu yang beraneka warna, di dalamnya telah tersedia beberapa orang wanita-wanita jelita yang masing-masing pandai memetik gambus dan pandai menyanyi, dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan yang disayanginya

¹ Nama sebenarnya ialah Al-Walid bin Yazid. Sumber http://ms.wikipedia.org/wiki/Al-Walid II

untuk sama-sama bersukaria, sedang baginda menyamar sebagai seorang saudagar dengan menutup sebahagian dari mulut dan hidungnya dengan serbannya yang berjela-jela itu.

Perahu yang indah itu berhanyutlah ke sana ke mari dalam suasana kelam sunyi, ditiup oleh angin sepoi-sepoi bahasa. Dalam suasana seindah dan senyaman itu, lahirlah suara lemak merdu meningkah irama tali gambus yang dipetik oleh jari-jemari yang bagi duri landak itu. Dan dengan tiba-tiba khalīfah dan orang-orang yang berada di perahu itu terdengar satu jeritan dari pantai seberang sana:

"Salah....tidak betul syair yang dinyanyikan oleh biduanita itu."

Mereka semua menoleh ke seberang pantai sana, dan dari gelap-gelap samar itu kelihatanlah oleh mereka seorang lelaki yang tidak dikenali berdiri di tepi pantai. Khalifah memerintahkan supaya orang itu dipelawa turut bersama dalam majlis sukaria mereka. Perahu pun diketepikan dan bila sampai sahaja di tepian, orang yang tidak dikenali itu tidak menolak pelawan untuk turut sama dalam majlis samarah itu.

Orang itu didapati sebagai seorang yang baharu sahaja sampai dari pelayaran jauh, berpakaian lusuh dan tidak berkopiah. Khalīfah pun mempersilakannya duduk berhampiran dengannya seraya bertitah:

"Tuan hambakah yang berkata bahawa biduanita kita salah menyanyikan syairnya tadi?"

"Benar, demi Allah hambalah yang berkata demikian."

Jawab orang itu.

"Seorang badwi sebagai tuan hamba ini, tahukah bersyair dan menyanyikan lagu-lagu?" tanya khalifah.

"Tuhan memberikan sesuatu kepada siapa sahaja hambanya yang disukainya" jawab orang itu.

"Pandaikan tuan hamba menyanyi?" tanya khalifah "Pandailah sedikit-sedikit..."jawabnya.

"Siapakah tuan hamba ini?"

"Hamba seorang musafir, niat di hati akan pergi ke Ahwāz (sekarang Khūzistān), tetapi tidak ke sampaian kerana tidak kecukupan tambang."

Tatkala itu kelihatan khalīfah berpaling muka kepada orang-orang yang di kanan kirinya dan membisikkan sesuatu, kemudian berkata:

"Tuan hamba telah merosakkan rancangan kami dan menyinggung hati biduanita kita sedang menyanyi, pada hal ia seorang biduanita yang tiada tolok bandingnya di zaman ini, tetapi tidak apa kami beri tuan hamba peluang untuk memenangi seribu dirham dengan satu syarat".

"Terima kasih atas kebaikan tuan hamba itu, dan apakah syarat itu?"

"Biduanita kita akan mengulang nyanyiannya dan sesudah itu hendaklah tuan hamba nyanyikan kembali dan betulkan di mana tempat yang tuan hamba katakan salah, kalau memang betul baik akan kami hadiahkan kepada tuan hamba sepuluh ribu dirham."

"Tetapi kalau tuan-tuan mengatakan hamba salah?"

"Akan kami campakan tuan hamba ke air sungai

ini, sebagai balasan kepada orang yang menganggu ketenteraman orang."

"Baiklah, hamba terima syarat-syarat itu, Tuhan sahajalah yang menjadi saksi."

Khalīfah menitahkan supaya biduanita tadi mengulangi lagi nyanyiannya, seketika itu jariah biduanita itu mematuhi perintah khalīfah dan dari jari-jemarinya yang halus itu keluarlah bunyi-bunyian merdu dari petikan yang dipetik tali-temali gambus itu, setelah itu ditingkah pula dengan suara jariah yang merdu itu menyanyikan syairnya:

Sebagai suatu pantangan bagi seorang lelaki

Bila ia mendapat jelingan dari mata dan hati Hati lelaki bila mendapat jelingan wanita Segera berbintik niat yang tak dapat dikata-kata.

Mendengar nyanyian dari suara lemak merdu
jariah biduanita itu, masing-masing hadir dengan
tidak menyedari dirinya turut bertepuk dan
menggeleng-gelengkan kepala menurut tingkah lagu, kecuali
musafir yang seorang itu, ia hanya menundukkan
kepalanya sambil jari telunjuknya mengetuk-ngetuk lantai
perahu yang didudukinya itu.

Bila nyanyian telah selesai dan bunyi gambus sunyi semula, berkatalah khalīfah:

"Sekarang sampai giliranmu, tunaikanlah, kalau tidak kami tunaikan pula syarat yang terakhir."

"Sudikah tuan hamba memerintahkan jariah itu memetikkan gambusnya?"

"Itu tidak ada dalam perjanjian kita tadi,

tetapi tidak apa, kehendak tuan hamba kami ikuti.
Sambil itu khalifah memerintahkan jariah tadi memetik
semula gambusnya "

Bila gambus telah dipetik, musafir itu menunggu
masa untuk memulakan lagunya, dan sampai sahaja
masa yang ditunggu-tunggu itu ia mula meningkah suara,
gambus itu dengan suaranya yang lemak manis yang
menyebabkan susasana sekitar majlis orang ramai itu
jadi senyap sunyi dan masing-masing khayal terangguk-angguk
oleh mendengar suara yang lemak merdu mengikut irama
gambus itu.

Khalīfah kerana asyiknya mendengar nyanyian merdu dari musafir itu, tidak disedarinya ia telah minum beberapa piala minuman keras yang sentiasa berada berhampiran dengannya, bila berhenti sahaja suara musafir itu dalam tepuk gemuruh orang ramai bersuaralah khalīfah:

"Bagus sungguh suaramu, seolah-olah kita mendengar suara Ma'bad raja segala biduan di masa ini."

Musafir yang tidak dikenali itu bila mendengar pujian orang yang disebelahnya, ia menggaru-garu kepalanya, yang tidak berkopiah itu sebentar dan dengan tiba-tiba ia berkata:

"Demi Allah, hambalah Ma'bad"

Mendengar pengakuan demikian itu dari orang yang baharu sahaja sebentar tadi menyanyi, khalīfah dan orang-orang disekelilingnya kehairanan, kerana selama ini mereka hanya mendengar kemasyhuran nama penyair dan biduan yang terkenal itu, tetapi tidak pernah melihat dan mengenali rupanya.

Dengan kehairanan khalifah lalu bertanya kepada orang itu:

"Hamba percaya tuan hamba ini Ma'bad, tetapi mengapakah tuan hamba menyamar seorang musafir ini?"

"Tuan hamba! Sebenarnya hamba dalam pelayaran hamba telah kecurian segala harta dan pakaian hamba, hanya pakaian inilah yang tinggal kepada hamba."

"Janganlah tuan hamba bersusah hati, cakaplah apa sahaja yang tuan hamba kehendaki akan tuan hamba dapat, tahukah tuan hamba siapakah hamba ini?"

"Demi Allah tiada kenal siapakah tuan hamba."

Jawab Ma'bad.

"Akulah al-Walīd bin Yazīd..."

"Amīr al-Mu'minīn? Harap diampun tuanku, kerana kelancangan hamba dihadapan tuanku."

Khalīfah melihat Ma'bad dalam keadaan serba salah dan ketakutan itu tersenyum ia, dibukanya serban yang dari tadi menutupi sebahagian dari muka dan mulutnya dan meminta kepada Ma'bad supaya menghabiskan malamnya dalam perahu samarah itu.

Perjumpaan yang tidak disangka-sangka, yang terserempak dari sama-sama menyamar itu, menjadikan majlis samarah itu sangat meriah sekali, hinggalah sampai hari subuh, bila fajar telah menyinsing baharulah kelihatan perahu indah itu menepi ke tepian dan tiga orang pegawai khalīfah membawa Ma'bad ke istana tetamu. Pada esok harinya ia dianugerahi sebingkisan wang yang berjumlah tiga puluh ribu dirham, dan sebingkisan lagi berisi dengan pakaian yang indah-indah.

Selama tiga hari berada di istana tetamu itu,

Ma'bad penyair terkenal dan termasyhur itu dimuliakan dan dihormati, setiap hari dijamu dengan jamuan-jamuan istimewa. Pada hari yang keempat Ma'bad diperintah menghadap baginda Khalīfah di istana. Di sana di sebuah dewan yang indah dilihatnya khalīfah duduk di kelilingi oleh jariah-jariahnya yang cantik jelita, setelah ia memberi salam dan dijawab salamnya oleh khalīfah, khalīfah itu mempersilakan duduk berhampiran dengannya dan memintanya menyair syair-syair baharu yang belum didengarnya sebelum itu

Setelah berfikir beberapa ketika datanglah ilham untuk penyair Ma'bad memulakan lagunya, ia lalu menyanyikan dengan suaranya yang merdu itu:

Hai angin mengapa tidak engkau memberi jawapan
Kepada seorang yang telah menyerah diri padamu
Tidak percayakah kau kepada bisikan awan
Hingga ku nyatakan cinta dan kasihku pada

kasihmu.

Waktu menyanyikan lagu itu, kelihatanlah khalīfah dengan orang yang hadir dalam majlis itu asyik mengoyang-goyangkan kepala dan badannya seperti ditiup angin lalu, sebentar kepala dan badan mereka menghala ke kanan dan sebentar ke kiri, manakala jariah-jariah yang turut mendengarnya juga turut terpegun dan bersinar-sinar matanya tertarik oleh suara Ma'bad yang sebagai buluh perindu.

Khalīfah al-Walīd terlupa apa yang ada di sekelilingnya, ia mencapai piala emas yang telah diisi beberapa kali dengan arak lalu diminumnya, perbuatan itu dikuti pula oleh pegawai-pegawai khalīfah yang turut dalam majlis itu.

Pada malam itu sahaja entah berapa kali Ma'bad

diperintahkan untuk mengulang-ulangkan nyanyian-nyanyiannya yang baharu

didapatinya dari ilham yang mendatang, dan bila tiba masanya

beredar dari majlis yang amat meriah itu sebuah

bingkisan terletak di pangkuan Ma'bad dan didapatinya

isinya mengandungi lima puluh ribu dirham.

baginda membisikan kepada Ma'bad:

"Hai Ma'bad, jika engkau hendak mendekati

raja-raja, hendaklah engkau menyimpan segala rahsia


raja-raja."

"Hamba faham semuanya itu wahai Amīr

al-Mu'minīn."

Waktu khalīfah hendak beredar ke bilik peraduannya

(Selesai)



Ahli-ahli Jawatankuasa Badan Pelajar "Madrasah al-Mashoor" Pulau Pinang bergambar ramai setamatnya mereka membincangkan "Masalah Pelajar dengan Kedudukannya dan Tanggungjawabnya"

Pengenalan - Duduk dari kanan: 1. Ismail Daud (Pahang) Ketua Syarahan. 2. Ahmad Shafie al-Hajj (Kedah) Ketua Umum. 3. Yusuf Arshad (Penang) Timbalan Ketua Syarahan. 4. Nasuha Ridhuan al-Hajj (Perak) Timbalan Ketua Olahraga. Berdiri dari kanan: 1. Ibrahim Abdul Wahab al-Hajj (Kedah) Ketua Senaman. 2. Zulkifli Abu (Perak) Ketua Penerangan. 3. Ismail Muhammadiyah (Siam Selatan) Timbalan Ketua Senaman. 4. Ahmad Fadhil Ruknuddin al-Hajj (Kedah) Setiausaha. 5. Ramli Jusof (Perak) Ketua Olahraga.

(Kiriman Ismadi Mashoor)